

Dengan menyertai Peraduan “Salam Merdeka & Hari Malaysia” ini, anda dianggap telah baca, menerima dan mematuhi kesemua Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (“PR1MA”/ “Penganjur”).

Terma dan Syarat ini boleh diubah tanpa sebarang notis terlebih dahulu dari semasa ke semasa oleh pihak PR1MA.

MAKLUMAT PERADUAN

1. Peraduan “Salam Merdeka & Hari Malaysia” (“Peraduan”) ini dianjurkan oleh PR1MA.
2. Peraduan ini bermula pada 23 Ogos 2021, dan berakhir pada 30 September 2021, (“Tempoh Peraduan”). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan secara automatik tidak layak menyertai Peraduan.
3. Penganjur berhak secara mutlak untuk mengubah, melanjutkan, menggantung, membatalkan atau menamatkan Peraduan menurut budi bicara tunggal Penganjur dan tanpa sebarang sebab dan peserta tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan berkenaan tindakan Penganjur.

KELAYAKAN

1. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia atau di luar negara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas (pada tarikh penyertaan dalam peraduan ini) dengan Kad Pengenalan Malaysia yang sah. Pekerja, pemegang saham, pegawai, pengarah, agen, pengedar dan wakil Penganjur dan setiap daripada syarikat induk, ahli gabungan, bahagian, anak syarikat, agen, wakil dan agensi pengiklanan, bersama-sama dengan ahli keluarga terdekat (tidak kira di mana mereka tinggal) dan mereka yang tinggal di kediaman yang sama dengan orang tersebut (sama ada mempunyai kaitan persaudaraan atau tidak), tidak layak menyertai Peraduan.
2. Penganjur berhak untuk menyingkirkan atau membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat Peraduan ini atau jika Penganjur berpendapat bahawa Peserta gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Penganjur.
3. Penyertaan menggunakan akaun media sosial (Facebook dan/ atau Instagram) pihak ketiga adalah tidak dibenarkan sama sekali dan penyertaan akan dibatalkan.

CARA PENYERTAAN PERADUAN

1. Peserta hendaklah:
 - i. mengisi borang penyertaan Peraduan ini secara lengkap melalui pautan <https://bit.ly/3fTv4iK> yang terdapat di laman sesawang PR1MA (www.pr1ma.my), Facebook PR1MA dan/atau Instagram PR1MA dan memastikan segala maklumat diisi adalah betul.

- ii. mengambil video pendek menyampaikan ucapan Hari Merdeka dan Hari Malaysia yang mengandungi slogan “PR1MA Bersama Rakyat Prihatin” dengan cara yang paling kreatif dan iainya mestilah idea asal Peserta sendiri. Durasi video hendaklah didalam lingkungan tidak melebihi 30 saat.
 - iii. memuat naik video pendek tersebut ke laman sosial Facebook dan/ atau Instagram masing-masing bersertakan kapsyen menarik yang bermula dengan ‘PR1MA Bersama Rakyat Prihatin...’ yang bersesuaian dengan video pendek penyertaan tersebut, dan tanda hash (‘hashtag’ #) #PR1MAPrihatin, #PR1MAKita dan #PR1MARakyatPrihatin.
 - iv. Para Peserta hendaklah mengkongsikan video pendek penyertaannya dengan rangkaian sosial media masing-masing untuk mendapatkan “like” daripada rangkaian sosial medianya.
2. Setiap Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan semasa Tempoh Peraduan. Walau bagaimanapun, setiap Peserta yang dipilih sebagai pemenang berhak mendapat satu (1) Hadiah sahaja untuk Peraduan ini.
 3. Kesemua penyertaan mestilah tidak lewat daripada 30 September 2021.

MEKANISME PENGADILAN PENYERTAAN

1. Peraduan akan diadili seperti berikut:
 - i. 70% markah akan diadili oleh pihak Penganjur berdasarkan:
 - Kreativiti dan keaslian idea video;
 - Kreativiti kapsyen untuk video penyertaan; dan
 - ii. 30% markah akan berdasarkan undian di laman media sosial (Facebook dan/ atau Instagram sahaja) Peserta masing-masing berdasarkan:
 - Jumlah “like” untuk video pendek penyertaan Peraduan ini.

HADIAH & PENEBUSAN

1. Hadiah adalah untuk satu (1) pemenang (“Pemenang”) sahaja untuk keseluruhan Peraduan ini. Pemenang akan menerima satu (1) unit hadiah sahaja iaitu Apple iPad Pro (64gb) (“Hadiah”).
2. Hadiah diberikan atas dasar “seadanya” dan tidak boleh dalam apa-apa kaedah ditukar dan tidak boleh ditunaikan dalam apa-apa bentuk nilai, perdagangan atau pertukaran atau cara lain selain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
3. Pemenang sedia menerima Hadiah tanpa apa-apa jenis waranti atau jaminan, sama ada secara nyata atau tersirat. Jika diminta oleh Penganjur, Pemenang hendaklah menyempurnakan surat ikatan pelepasan dan tanggung rugi dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur.

4. Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan atas fungsi, keadaan, kegunaan, pembungkusan, waranti, khidmat pelanggan berkenaan dengan Hadiah tersebut dan segala isu-isu, kesulitan dan kerugian berkenaan dengan penggunaan Hadiah tersebut.
5. Pemenang hendaklah mengurus terus dengan pihak pengilang dan/ atau wakil rasmi pengilang untuk sebarang pertanyaan dan segala perkara mengenai penggunaan dan khidmat pelanggan Hadiah tersebut; pihak PR1MA adalah tidak terlibat dan tidak boleh dipertanggungjawabkan dalam segala urusan berkenaan.
6. Keputusan Peraduan adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat, rayuan dan/ atau soalan mengenai pengadilan Peraduan tidak akan dilayan.
7. Pemenang dikehendaki mengemukakan Bukti Identiti untuk penebusan Hadiah bagi tujuan pengesahan. Bukti Identiti yang diterima oleh Penganjur adalah dalam bentuk berikut sahaja: Kad Pengenalan Malaysia yang asal dan sah/ Lesen Memandu Malaysia yang asal dan sah, tiada salinan akan diterima. Kegagalan untuk mengemukakan apa-apa Bukti Identiti memberikan hak secara tunggal dan mutlak kepada Penganjur untuk menyingkirkan Peserta/ Pemenang dan membatalkan kelayakan penyertaan tanpa sebarang keterangan lanjut.
8. Pemenang perlu mengemukakan butir-butir hubungannya dengan akaun sosial medianya (iaitu samada Facebook dan/ Instagram sahaja) yang memaparkan dan/ atau telah memuat naik dengan video pendek penyertaan Peraduan ini, sekiranya dipilih sebagai pemenang.
9. Penganjur akan menghubungi Pemenang melalui alamat emel yang diberikan dan melalui 'Facebook Inbox' dan/ atau 'Direct Message Instagram' sahaja. Peserta hendaklah memastikan alamat emel yang diisikan dalam borang penyertaan Peraduan ini adalah sah dan aktif, dan sentiasa menyemak laman sesawang PR1MA untuk pengumuman pemenang.
10. Pemenang yang menuntut Hadiah melalui wakil bagi pihaknya hendaklah memastikan bahawa wakilnya mengemukakan surat kebenaran yang ditandatangani oleh Pemenang, serta salinan Bukti Identiti Pemenang, dan Bukti Identiti wakil dan lain-lain bukti pengesahan seperti yang dikehendaki oleh pihak Penganjur.
11. Sekiranya Pemenang dan/ atau wakilnya tidak menuntut Hadiah yang dimenangi dalam masa lapan (8) minggu daripada pengumuman keputusan Peraduan ini di sesawang laman PR1MA, Penganjur berhak membatalkan kelayakan Peserta/ Pemenang dan menarik balik Hadiah tanpa sebarang notis selanjutnya.

HAK PENGANJUR

1. Peserta bersetuju bahawa semua bahan (seperti video) dan kapsyen yang digunakan oleh Peserta untuk tujuan menyertai Peraduan ini menjadi kepunyaan penuh Penganjur. Jika berkenaan, hak cipta dan semua hak harta intelek berkenaan Peraduan akan menjadi

kepunyaan Penganjur.

2. Penganjur berhak menerbit semula dan menggunakan nama, foto, imej, rakaman audio dan/ atau video yang diserahkan oleh Peserta atau terhadap Peserta bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan/ atau apa-apa tujuan lain, tanpa sebarang notis terdahulu atau pampasan kepada Peserta. Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau bentuk pampasan lain terhadap penggunaan bahan tersebut.
3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dengan ini secara tak bersyarat bersetuju sepenuhnya untuk membenarkan perkara berikut:
 - a. Penganjur dibenarkan menggunakan nama, foto, imej, rakaman audio dan/ atau video bagi tujuan penyuntingan, pengiklanan, promosi, pemasaran dan/ atau tujuan lain tanpa notis lanjut atau pampasan kepada Peserta.
 - b. Jika dikehendaki oleh Penganjur, Peserta hendaklah dengan sukarela menghadiri penerbitan, rakaman atau publisiti mengenai Peraduan bagi sebarang tempoh yang akan dimaklumkan oleh Penganjur (termasuk tetapi tidak terhad kepada wawancara yang dirakamkan atau tidak dirakamkan, sesi pengambilan foto pemenang, rakaman audio dan/atau visual bagi penggunaan promosi dan publisiti (secara kolektif "Rakaman"). Semua kos kehadiran dan penyertaan Peserta hendaklah ditanggung semata-mata oleh Peserta dan Penganjur tidak bertanggungjawab membayar balik apa-apa kos, perbelanjaan, gaji atau pampasan kepada Peserta.
 - c. Penganjur mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengiklankan dan/ atau menyiarkan dan/ atau mencetak Rakaman audio/ visual dan/ atau menggunakan kapsyen, nama atau nama panggilan di mana-mana program/ salurannya atau di mana-mana perantara, secara keseluruhan atau sebahagian, menurut budi bicara Penganjur. Semua hak cipta yang wujud dalam Rakaman adalah kepunyaan mutlak Penganjur.
 - d. Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggal dan mutlak, untuk menggunakan Harta Intelek melalui mana-mana kaedah atau perantara dandalam apa jua cara dan pada bila-bila masa yang dianggapnya wajar tanpa terlebih dahulu mendapatkan apa-apa kebenaran atau membuat apa-apa pembayaran kepada Peserta Peraduan.
4. Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggalnya, menyingkirkan mana-mana Peserta yang mengganggu mekanisme, sistem, perisian Peraduan atau apa-apa proses lain berkaitan dengan Peraduan ini.
5. Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggal dan mutlak, menyingkirkan mana-mana Peserta dan/ atau penyertaan yang didapati (menurut budi bicara Penganjur) tidak telus, tidak sopan atau tidak sesuai untuk tatapan umum, atau didapati atau disyaki menipu/ menggodam/ mengusik proses penyertaan Peraduan, pengendalian Peraduan ini atau melanggar apa-apa Terma dan Syarat Peraduan. Penganjur berhak untuk

meneruskan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayainya terlibat dalam aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan Peraduan, Penganjur dan/ atau proses penyertaan Peraduan.

TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

1. Dengan mengambil bahagian di dalam Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
2. Penganjur tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai apa-apa tanggungan rugi bagi apa-apa kos tambahan yang akan ditanggung oleh Peserta akibat daripada penyertaan atau/ dan penebusan Hadiah yang ditetapkan. Penganjur juga tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah memberikan sebarang waranti dan jaminan samada secara tersurat atau tersirat berkaitan ketersediaan dan penggunaan Hadiah berkenaan.
3. Penyertaan Peraduan ini adalah di atas risiko Peserta sendiri. Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan dan kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri sendiri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta/ Pemenang/ wakilnya dan juga penebusan dan/ atau penggunaan Hadiah. Peserta/ Pemenang/ wakilnya tidak berhak membuat apa-apa tuntutan, tindakan, kerugian atau ganti rugi sama ada yang dibuat oleh Peserta sendiri atau oleh mana-mana pihak ketiga yang lain dalam apa jua keadaan atau cara berhubung dengan Peraduan ini, penebusan dan/ atau penggunaan Hadiah.
4. Sebarang perubahan termasuk tafsiran Terma dan Syarat Peraduan ini adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Penganjur sepenuhnya dan apa-apa notis dan/ atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan ini adalah muktamad.
5. Peserta mengakui dan bersetuju bahawa penyertaan yang dihantar (termasuk apa-apa foto, lukisan, gambar, kapsyen, apa-apa bahan atau karya kreatif lain, termasuk rakaman suara atau video) hendaklah bebas daripada tuntutan dan/ atau tidak melanggar sebarang hakcipta, paten, nama dagangan, hak keempunyaan, peribadi, privasi atau moral mana-mana pihak ketiga.
6. Peserta mengakui dan bersetuju bahawa dia sendiri akur dan/ atau mendapat kebenaran menggunakan semua aset (termasuk hak moral) daripada semua orang yang telah menyumbang kepada penghasilan penyertaan.
7. Peserta menjamin dan bersetuju bahawa penyertaan yang diserahkan oleh peserta tidak boleh mengandungi unsur-unsur atau tema seksual, imej pornografi, keganasan grafik, kenyataan atau bahan memfitnah atau melibel yang dianggap menyalahi undang-undang/

- menyinggung atau mungkin melanggar undang-undang Malaysia atau bahan yang kemungkinan akan mencemarkan imej Penganjur atau menyebabkan Penganjur mendapat nama buruk. Sebarang pelanggaran klausa ini akan memberikan budi bicara mutlak kepada Penganjur untuk menyingkirkan dan menolak penyertaan atau 'posting' dengan serta-merta tanpa notis terdahulu.
8. Peserta menjamin dan bersetuju bahawa Penganjur mempunyai hak tunggal untuk menggunakan penyertaan Peserta secara sepenuhnya atau mana-mana bahagian daripadanya dalam sebarang dan semua bentuk perantara melalui apa-apa dan semua kaedah atau cara untuk tempoh penuh hakcipta termasuk semua pembaharuan. Penganjur juga berhak untuk memberi kuasa orang lain untuk berbuat demikian tanpa perlu membayar apa-apa imbuhan atau royalti kepada Peserta. Walau bagaimanapun, Penganjur tidak mempunyai kewajiban untuk menggunakan mana-mana bahagian daripadanya.
 9. Peserta menjamin dan bersetuju bahawa Peserta tidak akan menggunakan Penyertaan atau mana-mana bahagian daripadanya bagi tujuan selain daripada tujuan yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat. Sekiranya penyertaan atau mana - mana bahagian daripadanya diterbitkan atau diedarkan atau ditangani dalam apa jua caratanpa kebenaran terdahulu daripada Penganjur, Penganjur berhak menurut budi bicara mutlaknya menyingkirkan Peserta dan/atau membatalkan apa-apa Hadiah yang dimenangi dan tidak akan menanggung apa-apa liabiliti pun jua terhadapnya.
 10. Semua hak dan keistimewaan yang diberikan di dalam ini kepada Penganjur tidak boleh dibatalkan dan tidak tertakluk kepada pembatalan, sekatan atau injunksi dalam sebarang dan semua keadaan tanpa had masa. Peserta tidak akan dalam apa jua keadaan berhak mendapat relief injunksi atau untuk menahan atau sebaliknya mengganggu penganjuran Peraduan, penerbitan, pengedaran, pameran dan/atau eksploitasi Peraduan dan/atau Program dan/atau apa-apa produk berdasarkan dan/atau yang berpunca daripada Peraduan.
 11. Penyerahan penyertaan tidak menjamin bahawa Peserta akan memasuki Peraduan. Penganjur mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak atau enggan menerima penyerahan penyertaan dan kemasukan Peserta atas apa-apa sebab termasuk (tanpa had) jika penyertaan adalah tidak lengkap atau melanggar Terma dan Syarat yang ditetapkan.
 12. Penganjur berhak menyingkirkan dan/ atau mengecualikan Peserta dan/ atau Pemenang, serta menarik balik Hadiah jika -
 - a. Peserta tidak layak atau tidak memenuhi apa-apa kriteria kelayakan yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat; atau
 - b. Peserta memungkir Terma dan Syarat dan peraturan lain Peraduan atau melanggar apa-apa undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa; atau

- c. menurut penentuan tunggal Penganjur, Penganjur percaya bahawa Peserta cuba menjejaskan pengendalian Peraduan melalui penipuan atau perdayaan; atau apa cara sekalipun.
13. Jika berlaku penyingkiran selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak menuntut agar Hadiah dipulangkan atau pembayaran nilai yang bersamaan dengannya daripada Peserta yang disingkirkan.

LIABILITI & TANGGUNGJAWAB

1. Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/ atau sebarang kos, fi lain dan/ atau apa jua jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini (sama ada bagi tujuan memasuki, menyertai atau menerima apa-apa manfaat atau hadiah daripada Peraduan) atau bagi tujuan penebusan Hadiah atau perjalanan yang berkaitan adalah tanggungjawab Peserta semata-mata, dan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab pun jua untuk kos/ caj/ fi/ perbelanjaan ini.
2. Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak menanggung apa-apa tanggungjawab atas penyertaan yang tidak sempurna sama ada disebabkan oleh kesilapan komputer, IT atau apa-apa kesilapan teknologi. Peserta bertanggungjawab memastikan penyertaannya mematuhi semua peraturan dan Terma dan Syarat Peraduan, dan bahawa penyertaannya diterima oleh Penganjur dalam bentuk yang dikehendaki oleh Penganjur.
3. Dengan menyertai Peraduan ini, semua peserta bersetuju melepaskan dan memastikan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/ atau wakilnya tidak dipertanggungjawabkan atas sebarang tuntutan, kerugian atau ganti rugi berbangkit daripada atau berhubung dengan penyertaan mereka dalam Peraduan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa kesilapan dalam mengira apa-apa transaksi, sebarang kerosakan atau kepincangan mana-mana sistem komputer atau peralatan), apa-apa aktiviti berkaitan Peraduan dan penerimaan Hadiah dan/atau penggunaan, penyalahgunaan, atau milikan apa-apa Hadiah yang diberikan.
4. Semua kos yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dan/atau berhubung dengan Peraduan dan Hadiah, termasuk tanpa had, caj pos atau caj Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) (jika berkenaan), semua kos pengangkutan, caj komunikasi, penginapan, kos makanan dan kos berkaitan lain yang ditanggung oleh Peserta disebabkan oleh sesi pungutan Hadiah hendaklah ditanggung semata-mata oleh Peserta. Penganjur tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk membayar balik Peserta untuk sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung terhadapnya.
5. Peserta mengakui bahawa penyertaannya dalam Peraduan adalah atas risikonya sendiri.
6. Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan,

ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berhubung dengan:

- i. apa-apa kegagalan untuk memenangi Hadiah dalam Peraduan, Hadiah yang rosak disebabkan kecuaiian dan/ atau tindakan Pemenang atau penyalahgunaan Hadiah atau sebarang kerugian, ganti rugi, kos, perbelanjaan, tuntutan, liabiliti, kecederaan, kematian, kemalangan yang dialami oleh Peserta semasa Peraduan atau berbangkit daripada atau berhubung dengan Peraduan, penyertaan Peserta dalam Peraduan dan/ atau Hadiah yang diberikan; dan/ atau
 - ii. apa-apa kelewatan dan/ atau kegagalan untuk menerima dan menghantar penyertaan Peraduan akibat sebarang kerosakan rangkaian, komunikasi, ISP atau sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi Penganjur atau Peserta dan/atau diakibatkan oleh penyertaan atau langkah memuat turun apa-apa bahan dalam Peraduan; dan/atau
 - iii. sebarang kesilapan (termasuk kesilapan ketika memaklumkan pemenang Peraduan), ketinggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam pengendalian atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, pencurian, kemusnahan, perubahan, atau akses tanpa kebenaran kepada penyertaan, atau penyertaan yang hilang atau terlewat sama ada berbangkit semasa pengendalian atau penghantaran akibat fungsi pelayan, virus, pepijat, atau sebab lain di luar kawalan Penganjur.
7. Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat ini dan peraturan berhubung dengan Peraduan jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak bertanggungjawab untuk memberikan pampasan kepada Peserta dalam apa cara jua dalam keadaan sedemikian.

PENAFIAN

1. Peraduan ini tidak dalam apa cara jua ditaja, disokong atau ditadbirkan oleh, atau mempunyai kaitan dengan, Facebook dan Instagram. Peserta menjamin dan bersetuju bahawa Penyertaan yang diserahkan oleh Peserta mematuhi semua terma dan syarat Facebook dan Instagram dan Peserta bertanggungjawab untuk membaca dan mematuhi terma-terma penggunaan dan dasar privasi yang diletakkan di Facebook dan Instagram.

UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL DAN BIDANG KUASA

1. Peraduan ini dan Terma dan Syarat hendaklah dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan setiap Peserta bersetuju menyerahkan apa-apa tuntutan, pertikaian atau kontroversi kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

NOTIS PRIVASI DAN PERSETUJUAN

1. Maklumat peribadi anda, termasuk tetapi tidak dihadkan kepada data peribadi yang diperolehi daripada Peserta secara langsung apabila Peserta memberikan kepada Penganjur maklumat peribadi, contohnya apabila anda menyertai Peraduan, sama ada bagi tujuan penyertaan dan/ atau tuntutan Hadiah atau sebarang kemas kini selanjutnya yang diberikan kepada kami oleh anda berhubung dengan maklumat peribadi anda, gambar, imej, rakaman audio dan/ atau video yang diperolehi oleh kami ("Data Peribadi").
2. Tertakluk kepada had penggunaan Data Peribadi anda, Penganjur boleh menggunakan Data Peribadi anda untuk perkara-perkara yang berikut:-
 - i) Untuk memastikan Peserta sentiasa diberitahu berkenaan pengumuman-pengumuman produk terkini atau program-program terbaru Penganjur. Sekiranya anda tidak berhasrat untuk berada di dalam senarai surat- menyurat kami, sila maklumkan Penganjur dalam bentuk bertulis; dan/atau
 - ii) Dari masa ke semasa, Penganjur boleh menggunakan Data Peribadi Peserta untuk menghantar notis-notis penting, emel-emel, surat-surat, khidmat pesanan ringkas atau atau apa-apa komunikasi berkenaan pembelian-pembelian atau perubahan - perubahan berkenaan terma-terma, syarat-syarat dan polisi-polisi Penganjur. Disebabkan maklumat sedemikian adalah penting kepada transaksi anda bersama Penganjur, Peserta adalah dinasihatkan untuk tidak memilih untuk tidak menerima komunikasi-komunikasi yang sedemikian; dan/atau
 - iii) Penganjur boleh menggunakan Data Peribadi Peserta untuk kegunaan-kegunaan dalaman seperti audit, analisis data, dan kajian untuk menambah baik produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan dan komunikasi Penganjur. Peserta juga boleh dihubungi dari masa ke semasa untuk cadangan dan soal selidik (jika berkenaan).
3. Apabila diwajibkan oleh undang-undang, Penganjur akan mendedahkan Data Peribadi kepada badan-badan kerajaan atau pihak berkuasa atau pihak-pihak ketiga berkenaan berdasarkan proses perundangan yang berkenaan. Selanjutnya, Penganjur boleh menggunakan atau mendedahkan maklumat anda seperti mana yang dibenarkan oleh undang-undang bagi melindungi hak-hak atau aset Penganjur, media sosial Penganjur, laman sesawang Penganjur atau pengguna-penggunanya. Penganjur juga boleh mendedahkan maklumat Peserta, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, kepada syarikat-syarikat yang dikontrakkan atau diberi kuasa untuk pemprosesan data Penganjur.
4. Di dalam keadaan-keadaan yang diperuntukkan di sini yang mana Penganjur memberikan maklumat Peserta kepada pihak ketiga, Penganjur akan memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan yang pihak sedemikian mengamalkan berkenaan dengan pemprosesan data Peserta adalah sekurang-kurangnya ketat atau sekiranya tidak lebih baik dari itu adalah sebagaimana yang diamalkan oleh Penganjur. Terma dan Syarat ini

adalah tidak terpakai apabila Penganjur diwajibkan mengikut undang-undang untuk memberikan maklumat Peserta kepada pihak ketiga.

5. Sekiranya Penganjur mengalami perubahan perniagaan, seperti penjualan sebahagian atau kesemua aset-aset Penganjur, penyatuan atau pengambilalihan, maklumat anda berkemungkinan akan menjadi sebahagian perubahan tersebut dan akan dipindahkan.
6. Jika Peserta ingin mengakses, membetul, menghad atau mengemas kini Data Peribadi Peserta, atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai pemrosesan maklumat, sila hubungi Penganjur melalui:

Alamat:

PERBADANAN PR1MA MALAYSIA
Tingkat Bawah, Blok F
No. 7, Jalan PJU 1A/7A
Oasis Square, Oasis Damansara
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pertanyaan:

Pusat Panggilan: (+603) 7628 9898
Awam / Pendaftaran / Teknikal: info@pr1ma.my

7. Penganjur boleh menolak sebarang permohonan yang berulang secara tidak wajar, memerlukan usaha teknikal yang berbelah bahagi, memprejudiskan privasi pihak lain, sangat tidak praktikal atau aksesnya tidak diwajibkan oleh undang-undang.
8. Penganjur memelihara hak-hak untuk mengubah, meminda, menukar atau mengubahsuai mana-mana bahagian Notis Privasi ini dari masa ke semasa. Sebarang perubahan penting akan dimaklumkan di dalam laman sesawang Penganjur dengan Polisi Privasi yang dikemaskini.
9. Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditaksir selaras undang-undang Malaysia dan Peserta adalah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah Malaysia.
10. Dengan memberikan Data Peribadi Peserta, Peserta telah membenarkan Data Peribadi tersebut digunakan mengikut Notis Privasi ini. Penggunaan berterusan perkhidmatan Penganjur akan menunjukkan bahawa Peserta bersetuju dengan sebarang pindaan ke atas Polisi Privasi tersebut.